

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB DATO' SERI TIONG KING SING**

**[ BINTULU ]**

**TARIKH**

**: 13 OKTOBER 2014**

**SOALAN**

**:**

**YB Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- (a) Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula pemberian bantuan ubat-ubatan untuk pesakit kanser sama ada berjadual/ubat tidak berjadual sebagaimana yang difahamkan bahawa pihak Kementerian hanya meluluskan pemberian secara 'one off' sahaja; dan
- (b) Berapa ramaikan pesakit kanser yang telah mendapat bantuan daripada pihak Kementerian semenjak 5 tahun kebelakangan ini bagi negeri Sarawak dan jumlah kosnya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan menyedari dan prihatin akan masalah bebanan yang ditanggung oleh pesakit kanser. Sejak tahun 2011 hingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM101.1 juta setahun bagi pengurusan dan rawatan pesakit kanser di mana, sejumlah RM76.1 juta bagi kegunaan ubat-ubatan, RM20 juta untuk bahan konsumabel dan ubat-ubatan dan RM5 juta digunakan untuk belanja mengurus. Manakala, peruntukan sebanyak RM2.55 juta dibelanjakan untuk perkhidmatan paliatif serta RM61 juta bagi Perkhidmatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi yang merangkumi kos ubat-ubatan dan konsumabel untuk merawat kes-kes kesakitan akut di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kerajaan turut memberi subsidi ke atas caj rawatan ubatan pesakit kanser di hospital KKM.

Adalah dianggarkan seramai 32,000 hingga 35,000 pesakit kanser di Malaysia mendapat manfaat ini. Dari jumlah ini, dianggarkan 10,000 hingga 12,000 adalah kes baru setahun sejak dua tahun kebelakangan ini. Manakala, seramai 13,000 orang pesakit kanser pula yang menerima rawatan radioterapi setiap tahun. Jumlah kedatangan pesakit yang mendapat rawatan radioterapi di Hospital Umum Sarawak sahaja adalah sebanyak 1,800 – 2,000 dalam tahun 2013.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pesakit kurang berkemampuan akan dirujuk kepada Pegawai Kerja Sosial bagi dipertimbangkan untuk mendapat pengurangan atau pengecualian bayaran yang dikenakan. Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia menyediakan bantuan peralatan perubatan (termasuklah ubat-

ubatan dan kerusi roda) yang tidak dibekalkan oleh hospital Kerajaan dan juga bantuan kewangan segera sekiranya pesakit berada dalam situasi kecemasan dan krisis semasa mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan. Majlis Kanser Negara dan Persatuan Kanser Malaysia pula menyediakan perkhidmatan kaunseling dan khidmat nasihat kepada penghidap penyakit kanser dan ahli keluarga. Bagi pesakit beragama Islam, mereka boleh dirujuk kepada Majlis Agama Islam untuk mendapatkan bantuan dari Lembaga Zakat.

Terdapat 178 orang pesakit kanser dari Negeri Sarawak yang menerima bantuan Tabung Bantuan Perubatan KKM dari tahun 2010 sehingga September 2014 dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM2.68 juta.